



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

TINGKAT 11, MENARA TH PERDANA,
JALAN SULTAN ISMAIL,
50250 KUALA LUMPUR

Tel: 603-2612 5600

Fax: 603-2612 5620

Email: humanrights@suhakam.org.my

Web: www.suhakam.org.my

EDITOR, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

SUHAKAM MEMPELAWA PENCALONAN BAGI ANUGERAH HAK ASASI MANUSIA 2014

Sekali lagi tiba masanya untuk Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mempelawa pencalonan awam bagi Anugerah Hak Asasi Manusia 2014 yang bertujuan untuk memberi penghormatan kepada rakyat Malaysia dalam kalangan individu, kumpulan dan organisasi, agensi kerajaan dan entiti perniagaan atas sumbangan mereka ke arah mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di negara ini.

Bagi tahun 2014, Anugerah Hak Asasi Manusia akan memberi penghormatan dalam lima kategori iaitu; Anugerah Individu, Anugerah Kumpulan atau Organisasi, Anugerah Media, serta Anugerah Agensi Kerajaan dan Entiti Perniagaan. Ini akan memberikan peluang kepada Suruhanjaya untuk memberi penghormatan kepada mereka yang telah mendedikasikan masa dan tenaga untuk menegakkan prinsip hak asasi manusia melalui pendekatan mereka yang tersendiri.

Suruhanjaya berharap agar kempen ini akan terus menggalakkan persefahaman dan sokongan yang lebih tinggi di kalangan orang awam dan dalam masa yang sama, akan menggalakkan penyertaan yang lebih aktif di kalangan ahli masyarakat dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di negara ini.

Pencalonan akan ditutup pada **30 Jun 2014** dan anugerah akan disampaikan kepada para pemenang pada 9 September 2014, bersempena dengan sambutan Hari SUHAKAM, yang memperingati penubuhan Suruhanjaya pada tahun 1999.

Suruhanjaya mengalu-alukan pencalonan bagi individu, kumpulan atau organisasi lain serta pencalonan sendiri. Borang pencalonan dan maklumat tambahan boleh diperolehi daripada portal rasmi Suruhanjaya di www.suhakam.org.my. Jangan lepaskan peluang ini untuk menghargai para pembela hak asasi manusia kita!

-TAMAT-

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

Tan Sri Hasmy Agam

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

20 Februari 2014

"Hak Asasi Untuk Semua"
"Human Rights For All"